



Yau Bee Ling (l. 1972), *Home Dinner II (Family Series)*
1995, Cat minyak atas kanvas, 87 cm × 116 cm

1. Dalam babak makan malam keluarga yang sibuk ini, semua orang telah mengambil tempat duduk kecuali seorang. Makanan atas meja belum disentuh, seolah-olah semua sedang menunggu yang seorang itu untuk duduk sebelum mula makan. Makanan dihidang gaya kebanyakan keluarga Malaysia, dengan pelbagai lauk-pauk untuk dikongsi bersama. Menurut anda, mengapa artis ini memilih untuk menggambarkan keluarga ini di meja makan? Apa yang diceritakan kepada kita tentang keluarga ini?
 - a. Bayangkan anda dalam lukisan ini. Apa yang anda lihat? Apa yang anda dengar? Aroma apa yang anda hidu? Apa perasaan anda? Adakah anda rasa selesai?
 - b. Perhatikan betul-betul watak dalam lukisan ini. Apa hubungan mereka? Adakah mereka sering luangkan masa bersama? Adakah mereka sebulu? Apa petunjuk dalam lukisan ini yang membantu anda menjawab soalan-soalan ini? Mengapa satu watak tidak duduk di meja?

2. Dua cawan ini – diisi kopi dan milo – nampak macam betul! Artis Joshua Kane Gomes mahu mencipta semula minuman kegemaran dia dan ayahnya ketika mereka meluangkan masa bersama. Di arca itu adalah kata-kata “sekejap sahaja lagi” kerana dia sedar bahawa semakin ayahnya menua, suatu hari dia tidak mungkin dapat untuk menikmati masa terluang dengannya. Secara tidak langsung, ini adalah potret keluarga walaupun kita tidak dapat melihat artis atau ayahnya digambarkan dalam karya ini. Kedua-dua cawan ini menjadikan kita mengenang artis ini dan ayahnya serta hubungan rapat yang mereka miliki.



Joshua Kane Gomes (l. 1993), *The Weight of your Silver Lining*
2024, Benang sulaman, plastik, epoksi, resin & silikon, 12 cm × 23 cm × 9 cm

- a. Apakah barang yang membuatkan anda terfikir tentang ibu bapa atau keluarga?

3. Gambar ini ditangkap oleh artis Ismail Hashim. Dapatkah anda lihat yang berikut:

Kucing Set televisyen
Tikar Ubat nyamuk

- a. Kebanyakan orang memilih untuk menangkap gambar acara atau tempat istimewa. Tapi artis Ismail Hashim sebaliknya! Dia gemar menangkap gambar orang-orang dan objek biasa di kampungnya di Pulau Pinang. Dia melihat keindahan dalam benda-benda biasa – seorang wanita yang sedang tidur dan kucingnya yang lena di ruang tamu.



Ismail Hashim (l. 1940 – d. 2013), *Tidur punya ralat bom meletup pun tak sedar*
(I can sleep through even if the bomb explodes)
1983, Fotograf silver gelatin bertona hitam & putih cetakan tangan, 33 cm × 49 cm

- b. Bayangkan anda seorang juru-gambar seperti Ismail Hashim. Cuba berjalan di kawasan kejiranan atau rumah anda, dan tangkap gambar barang-barang yang selalunya anda tidak akan perasan: papan tanda jalan, kucing-kucing jiran, pokok-pokok, ataupun sampah sarap!



Kide Baharudin (l. 1990), *Kerja Rumah*
1983, Akrilik atas kanvas, 51 cm × 51 cm

4. Anda rasa babak dalam lukisan ini tenang, sunyi, santai atau anda rasa bising, riuh dan riang ria?

- a. Artis ini melukis pelbagai orang yang melakukan macam-macam untuk menampakkan babak ini kelihatan sibuk dan riuh. Siapaakah mereka di dalam lukisan ini? Terangkan setiap seorang sedang melakukan apa.

- c. Tengoklah lengan dan kaki semua orang! Anda rasa kenapa artis ini melukis sedemikian rupa?

- d. Bolehkah anda mencari objek-objek berikut dalam bilik tersebut:

Ubat nyamuk Kalendar Paip
Radio Lampu minyak Pasu

- b. Menurut anda, siapa yang suka membaca? Siapa yang suka mengarang atau menulis diari? Siapa yang suka berangan? Siapa rasanya yang paling sibuk?

- e. Di mana agaknya rumah ini – di bandar atau di kampung? Kenapa?



Nadirah Zakariya (L. 1984), *MCO Day 59* - RGB
2020, Cetakan digital inkjet, 29 cm x 41 cm

5. Gambar oleh Nadirah Zakariya menunjukkan alam benda iaitu bunga di dalam pasu. Alam benda merujuk kepada gambaran objek, tidak kira buatan manusia atau semulajadi, termasuklah bunga, buah, sayuran dan sebagainya. Gambar ini menunjukkan keindahan yang datang dari benda-benda dan tempat yang kelihatan biasa sahaja.

a. Lihat pasu yang Nadirah pilih untuk gubahan bunganya. Kenapa anda rasa dia gunakan bekas tin lama sebagai pasu bunga? Apa objek lain yang anda akan guna untuk letakkan bunga? Kenapa?




Rafiee Ghani (L. 1962), *The Red Chair with Flowers*
1994, Cat minyak atas kanvas, 62 cm x 65 cm

6. Lukisan ini oleh Rafiee Ghani juga menggambarkan satu pasu bunga. Tetapi artis ini juga masukkan objek lain – kerusi merah, meja, tumbuhan dalam pasu kecil. Adakah anda dapat lihat objek-objek yang lain?

- Lihat warna-warna terang yang artis ini gunakan – merah, kuning, dan hijau. Apa perasaan anda melihat warna-warna ini?
- Nadirah dan Rafiee menggunakan pendekatan berbeza untuk menggambarkan objek yang sama. Karya Nadirah berbentuk fotografi manakala Rafiee memilih lukisan. Menurut pendapat anda, apakah persamaan atau perbezaan di antara kedua-dua karya ini?
- Jikalau anda seorang artis, apa karya seni alam benda lain yang anda ingin hasilkan? Berikut adalah beberapa langkah untuk membantu anda mencari ilham.

- Pilih ruang kegemaran di rumah anda. Mungkin dapur, taman atau bilik tidur anda sendiri.
- Pilih satu benda yang menja di tumpuan anda. Mungkin objek kegemaran atau benda yang nampak kelakar.
- Perhatikan barangan lain di sekitarnya. Barang-barang ini boleh membantu barang anda lebih menonjol.
- Hasilkan alam benda anda dengan memuatkan benda tersebut dan persekitarannya menggunakan apa sahaja cara yang anda suka! Boleh guna lukisan, lakaran atau pun fotografi!
- Cuba hasilkan lakaran idea anda di sebelah kanan:



7. Dengarlah semua bunyi hon yang bingit!

Dalam karya ini, artis Anisa Abdullah buat kita rasa seperti berada di dalam kesesakan trafik yang huru-hara di bandar. Bas, kereta dan bangunan dalam sudut menyenget dalam ruangan sempit menimbulkan rasa pergerakan dan terhuyung-hayang.

- Perhatikan semua bentuk yang berbeza yang dia masukkan dalam karya ini. Berapa banyak bulatan yang anda boleh cari? Berapa banyak segi empat tepat? Berapa banyak segi empat sama?
- Karya ini nampak seperti lukisan biasa tapi kalau lihat betul-betul, anda boleh nampak yang artis ini telah memotong kertas dan lekatkannya bersama untuk mencipta gambaran bas, kereta dan motosikal. Teknik ini dipanggil kolaj.



Padil Osman (l. 1976), *The Great Landscape*
1994, Batik & pewarna semula jadi atas kain kapas, 109 cm × 122 cm

- Dalam karya ini, artis ini menggunakan proses membatik untuk mencipta bayangan pokok getah. Dia melakukan ini dengan melukis dan mencanting garis luar pokok getah dengan lilin. Ini dikenali sebagai batik lukis, satu kaedah melukis corak batik terus ke atas kain. Setelah lilin kering, warna ditambah ke atas kain dan yang tinggal adalah bayangan pokok getah kerana lilin tidak boleh meresap warna!

- Tahukah anda bahawa artis ini telah menggunakan alat tradisional istimewa untuk melukis pokok-pokok ini? Ia dipanggil canting, sifatnya seperti pen, cuma bukan guna dakwat, sebaliknya ia lakarkan lilin ke atas kain!

BELAJAR BERSAMA ILHAM

Getah memainkan peranan penting dalam kisah ekonomi Malaysia. Pada tahun 1888, dua puluh dua biji getah dari Brazil dihantar ke Malaya. Katanya, anda masih boleh jumpa pokok getah di Kuala Kangsar, Perak yang ditanam dari biji benih asal ini! Seorang ahli botani H. N. Ridley mengenalkan cara menoreh getah yang baru, menyebabkan getah semakin mudah didagangkan. Pada akhir abad ke-19, kebun getah sudah merata seluruh Malaya! Getah menjadi tanaman yang membawa untung besar dan pada dekad 1960-an, Malaysia adalah antara pengeluar getah terbesar di dunia.



Sharon Chin (l. 1980), *Big Law In This Place: Moon phases and Tides for December 2021*
Port Dickson, Negeri Sembilan/ Perintah Agung Tempat Ini: Fasa Bulan dan Pasang-surut untuk Disember 2021, Port Dickson, Negeri Sembilan
2021, Cetakan kolograf atas kertas Saa (kerta Thai), 23 cm × 16 cm


9. Artis Sharon Chin tinggal di Port Dickson, sebuah pekan di tepi laut. Dalam siri karya ini, dia mengukur fasa-fasa bulan dan air pasang surut di Port Dickson pada Disember 2021.

- Apa itu pasang surut?**
Ketika anda di pantai, adakah anda perasan bagaimana air laut bergerak mendekat dan menjauh dari darat? Itulah yang dipanggil pasang surut! Ini disebabkan oleh tarikan graviti bulan dan matahari ke atas bumi.

- Boleh anda tunjukkan di mana bulan dan laut dalam karya-karya ini? Bentuk apa yang anda dapat lihat?

- Bulan mempunyai fasa-fasa yang berlainan, dan itu bermakna bulan tidak akan nampak sama sepanjang masa! Maka, bulan pada malam ini akan nampak berlainan jika anda lihat lagi dalam tempoh lima hari.

- Berikut adalah dua fasa bulan. a) bulan penuh dan b) bulan sabit. Lakar dan lukis pemandangan anda sendiri mengikut fasa-fasa bulan tersebut! Anda boleh melukis laut atau pemandangan di luar rumah pada waktu malam!



10. Karya ini dihasilkan oleh satu kumpulan bernama Pangrok Sulap. Mereka menetap di Sabah, Malaysia Timur. Karya ini bertajuk *Rencana Alam*. Artis-artis ini menggunakan torehan kayu – maksudnya, mereka mengukir rekaan ke atas kayu – dan kemudiannya mengecapnya ke atas sebidang kain besar. Karya ini menunjukkan sebuah bandar yang sibuk dan sesak dengan pelbagai bangunan dan kilang-kilang besar. Mari perhatikan karya ini dan lihat apa yang anda boleh cari!

- a. Bolehkah anda mencari benda-benda ini?

Robot Ferris Wheel Asap
Lori Burung-burung

- b. Nampak tak pokok dan dahannya yang panjang? Boleh anda jelaskan tentang mereka? Apa yang terjadi dengan dahan tersebut?
- c. Apa perasaan anda melihat gambaran ini? Anda mahu tinggal di bandar seperti ini?
- d. Mari bayangkan diri kita sebagai pengembara bandar ini dan gunakan deria kita!

👁️ Benda apa anda pertama nampak bila mengembara di bandar ini? Ke mana anda akan mula pergi?

👂 Bunyi apa yang anda dengar di bandar ini? Adakah sangat bising atau sunyi dan mengapa anda rasa sebegini?

👃 Bau apa yang anda hidu di bandar ini? Bau bersih dan segar atau berasap dan tercemar? Boleh tunjukkan apa yang menyebabkan bau tersebut?



Pangrok Sulap (diasaskan 2010), *Rencana Alam*
2015, Cetakan blok kayu, 122 cm × 130 cm

Berdasarkan tajuknya, *Rencana Alam* dan melalui karya ini, apa pendapat anda mengenai rencana *Alam* untuk bandar ini? Anda boleh hasilkan kisah tentang apa yang berlaku seterusnya! Apa yang akan terjadi pada bandar ini?

ILHAM 

Tingkat 3 & 5, Menara Ilham
No. 8, Jalan Binjai
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Waktu buka: Selasa – Sabtu
11pg – 7ptg
Ahad 11pg – 5ptg.
Tutup pada setiap Isnin dan cuti awam.

   ilhamgallerykl
www.ilhamgallery.com